

Demi perpaduan rakyat Sarawak

Pulih hubungan PBDS, BN3: PM

KUALA LUMPUR, Isnin -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir berharap hubungan di antara Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Barisan Nasional Sarawak (BN3) dapat dipulihkan demi perpaduan rakyat Sarawak.

"Kita memang mahu supaya mereka bersama-sama balik tetapi tentulah ada masalah. Kita memang hendak rapatkan hubungan antara semua parti, termasuk parti lawan," katanya mengulas kemungkinan mesyuarat Kabinet di Sarawak lusa sebagai satu cara untuk merapatkan hubungan PBDS dengan BN3.

Menjawab soalan pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Perpaduan Sempena Hari Pekerja 1991 di sini hari ini, beliau berkata mesyuarat Kabinet di Kuching itu tidak ada sebarang agenda istimewa berhubung usaha merapatkan hubungan di antara Kerajaan Sarawak dan PBDS, yang menjadi pembangkang di negeri itu.

"Tidak ada apa-apa yang penting pun. Kita sudah tetap lama untuk mengadakan mesyuarat di negeri lain. Ia diadakan pertama kali di Langkawi sebab kita

banyak terbabit dalam pembangunan Langkawi. Kali ini di Sarawak kerana kita mahu, kalau boleh, rapatkan lagi hubungan Sarawak, Sabah dan Kerajaan Pusat," katanya.

Bagaimanapun, secara berseloroh Perdana Menteri berharap, PBDS dapat memulihkan hubungan dengan BN3 sebelum pilihanraya negeri itu yang perlu diadakan sebelum Julai ini.

"Anda tolong berdoalah," katanya ketika ditanya mengenai perkara itu.

Ketua Menteri Sarawak yang juga Pengerusi BN3, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, sewaktu menggulung perbahasan di sidang Dewan Undangan Negeri kelmarin, membuat pelawaan terbuka kepada PBDS untuk membantu kerajaan negeri membangun dan membebaskan rakyat Sarawak daripada belunggu kemiskinan.

"Saya tidak menjemput pembangkang (PBDS) untuk mengikut saya secara membuta tetapi hanya mengatakan...inilah pilihan bagi kita iaitu pilihan yang sudah diamalkan oleh kerajaan selama ini.

"Oleh itu, PBDS perlu menilai semula

kedudukan mereka. Bagi saya sendiri, saya tidak teragak-agak untuk mengubah pendirian sehingga '180 darjah' jika langkah ini memberi kebaikan kepada negara," kata Tan Sri Taib.

Kepada satu soalan lain, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan akan menghantar undangan rasmi kepada Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Nik Mat untuk menghadiri majlis perasmian Jambatan Pasir Mas Salor oleh Perdana Menteri pada 30 Mei ini.

"Kalau dia sedia hadir, kita juga sedia menjemputnya. Kita tidak akan mengundang mereka yang sudah diketahui tidak akan hadir," katanya mengulas kesediaan Haji Nik Aziz untuk menghadiri majlis itu tanpa sebarang syarat jika menerima undangan rasmi.

Mengenai laporan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib akan menemuinya bagi membincangkan mengenai kedudukan kilang mercun di Selangor hari ini, Perdana Menteri berkata:

"Barangkali tidak hari ini. Saya agak sibuk dan belum ada temu janji. Satu hari nanti saya jumpalah."